

CNS8401

UGB 06-07 - 00212 BH406

Aab

Mahathir - Depot

SUBANG, 6 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia bercadang mengadakan sebuah depot eksport dan import di Valparaiso, Chile, sebagai pusat pengedaran dan pengumpulan barang-barang dagangan dari negara ini dan negara-negara Amerika Selatan.

Katanya, kajian kemungkinan telah dijalankan untuk menubuhkan depot itu bertujuan menjadikan pusat bagi mengedarkan barang-barang eksport dari negara ini sebelumian ia diedarkan ke negara-negara Amerika Selatan yang lain.

Depot itu juga boleh digunakan sebagai pusat pengumpulan barang-barang untuk dieksport ke Malaysia, katanya kepada pemberita di sini semalam selepas lawatan rasmi tiga minggu ke tiga buah negara di Amerika Selatan -- Chile, Brazil dan Argentina.

Beliau berkata, pada masa yang sama Malaysia juga bercadang membina sebuah depot di sini untuk digunakan sebagai pusat pengumpulan dan pengedaran barang-barang yang bakal diimport dari Amerika Selatan untuk diedarkan di negara ini atau ke negara-negara di Asia Tenggara.

Menurutnya, Valparaiso yang dihubungkan dengan ibu negara Chile, Santiago, mempunyai jalan yang melintasi pergunungan Andes ke Argentina.

Sebagai contoh, sebuah kren yang dipesan dari Mendoza, sebuah bandar yang jaraknya kira-kira 1,000 km dari Buenos Aires, ibu negara Argentina, boleh dibawa untuk dikumpulkan di Valparaiso, sebelum dibawa dengan kapal ke negara ini, katanya. -- Lagi

♥06/07/09-31MST

CNS8404

UGB 06-07 00172 BH407

A a b

Mahathir - Depot 2 Subang

Walaupun bagaimanapun, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, penghantaran barang-barang untuk eksport dan import dari Brazil lebih dekat jika melalui Cape of Good Hope di Afrika Selatan.

Secara amnya, Perdana Menteri berkata, negara-negara di Amerika Selatan sangat berminat untuk mengadakan hubungan rapat dengan Malaysia dalam bidang penerbangan dan perkapalan.

Menurutnya, lawatan ke Amerika Selatan itu pada pendapatnya telah berjaya mencapai maksud. +..... di mana-mana kita pergi telah disambut dengan baik dan program telah diatur dengan pegawai, menteri termasuk ketiga-tiga Presiden iaitu Alwyn (Chile), Collor (Brazil) dan Msnem (Argentina).+

+Mereka juga menyokong pendirian Malaysia mengenai pelbagai perkara termasuk alam sekitar dan sikap kita terhadap perjanjian perdagangan dunia yang terbuka tanpa sekat, + katanya.

Katanya, perhubungan pengangkutan perkapalan, dan udara antara Malaysia dan negara-negara berkenaan di Amerika Selatan mempunyai potensi untuk dimajukan.

+Potensinya bergantung kepada promosi kita, biasanya, buat permulaan, tidak ramai orang yang hendak menggunakannya. Kalau kita meningkatkan promosi, saya yakin bilangannya akan meningkat, + katanya. -- Lagi

♥06/07/10-13MST

CNS84 15

U G B 06-07 00178 BH408

Aab

Mahathir - Depot 3 Subang

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kajian mendalam berkaitan dengan perkapalan dan penerbangan antara Malaysia dan negara-negara Amerika Selatan akan dilaksanakan kelak.

Mengenai penerbangan, beliau berkata, Fiji telah bersetuju dengan cadangan Malaysia untuk menggunakan negara itu sebagai pusat persinggahan, dengan memberikan hak kebebasan penerbangan kelima untuk mengangkut penumpang ke Amerika Selatan dan ke sini dari negara itu.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, yang turut hadir berkata, Malaysia juga menerima persetujuan mendapatkan hak kebebasan penerbangan ketiga dan keempat dari Chile.

Selain itu, persetujuan juga sedang cuba diperolehi dari Argentina bagi mendapatkan hak pendaratan untuk Penerbangan Malaysia (MAS), katanya.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Sri Rafidah Aziz berkata, sebanyak sembilan perjanjian perdagangan telah ditandatangani antara usahawan Malaysia dan ahli perniagaan di Chile, Brazil dan Argentina.

Tiga daripadanya ditandatangani dengan Chile, empat di Brazil dan dua dengan Argentina.

Malaysia juga menandatangani dua perjanjian dengan Argentina iaitu Perjanjian Jaminan Pelaburan dan Perjanjian Mengelak Cukai Dua Kali, katanya. -- Bernama

♥06/07/11-00MST